

Anak jati Selangor calon Datuk Bandar

(1)
KUALA LUMPUR: Kerajaan akan berusaha melantik anak negeri Selangor sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru bagi menggantikan Tan Sri Elyas Omar yang meletak jawatan berkuatkuasa Khamis ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, jika tiada anak negeri Selangor untuk dilantik ke jawatan itu, barulah anak negeri lain akan dilantik.

"Ini pun satu masalah juga. Kita ada satu syarat yang perlu dipatuhi. Kalau boleh, Datuk Bandar

Kuala Lumpur mesti orang Selangor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan KUB ke-12 di Pusat Islam di sini, semalam.

Menurutnya, ini antara syarat yang ditetapkan dalam perjanjian ketika Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan pada 1 Februari 1974.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, syarat itu tidak begitu ketat dan dalam keadaan tertentu, mereka yang bukan anak negeri Selangor juga boleh dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala

Lumpur seperti perlington Elyas dulu.

Ditanya jika anak Selangor yang bakal dilantik, Perdana Menteri berkata; "Kita akan cari, kalau boleh. Kalau tidak boleh, tidak payah."

Selasa lalu, Kabinet memutuskan menerima perletakan jawatan Elyas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur dan akan mengumumkan penggantinya sebelum 17 September ini.

Elyas mengumumkan perletakan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada malam 1 September lalu.